

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
(BAGAN DATUK)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah aset-aset dan anggota yang menjaga sempadan perairan negara pada ketika ini mencukupi dalam mengekang kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin dan juga ancaman-ancaman radikal daripada negara jiran.

**JAWAPAN**

Kementerian Pertahanan sememangnya prihatin dengan keselamatan sempadan perairan negara dalam mengekang kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan juga ancaman-ancaman radikal daripada pelaku bukan negara (*non-state actors*). Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mengambil pendekatan secara menunjuk kehadiran yang berkesan di sempadan perairan negara dengan mengaturgerak kapal-kapal dan bot pemintas dalam melakukan rondaan pada setiap masa (24/7).

Bagi melaksanakan tugas rondaan sempadan perairan negara, armada TLDM pada masa kini terdiri daripada 49 buah kapal yang purata umur kapal-kapal kini melampaui tempoh 30 tahun. Justeru, jumlah aset sedia ada adalah tidak mencukupi bagi menjaga perairan Malaysia seluas hampir 600 ribu kilometer persegi. Kos operasi armada TLDM juga terus meningkat setiap tahun akibat dari kos senggaraan yang semakin tinggi.

Lanjutan daripada itu, untuk menampung tempo operasi yang tinggi berikutan dengan peningkatan jenayah rentas sempadan termasuk kemasukan PATI, pendekatan secara *Whole of Government* dengan agensi penguatkuasaan maritim yang lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) telah dilaksanakan. Ianya bagi mengoptimunkan aset-aset dan anggota bagi menjaga sempadan perairan negara. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARIPADA        :      YB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN  
HAMIDI  
[ BAGAN DATUK ]**

**SOALAN NO. 59**

**DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI [ BAGAN DATUK ]**  
minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah pekerja yang diberhentikan pekerjaan sepanjang tahun 2019 dan Oktober 2020 dan berapa pula peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod PERKESO jumlah kes kehilangan pekerjaan bagi tahun 2019 adalah seramai **40,084** orang pekerja dan sebanyak **387,134** kekosongan jawatan telah didaftarkan. Manakala, kes kehilangan pekerjaan dari Januari 2020 sehingga 27 November 2020 adalah **101,655** orang. Seramai **665,396** kekosongan jawatan dan seramai 423,982 pencari kerja telah didaftarkan.

Sekian, terima kasih